



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **PELANTIKAN 8 WIRA SUKAN NEGARA SEBAGAI IKON PERPADUAN TAHUN 2025**

---

**PUTRAJAYA**, 1 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan lapan (8) wira sukan negara sebagai Ikon Perpaduan Tahun 2025.

Antara figura sukan tanah air yang diberi pengiktirafan ini ialah:

1. Encik Goh Sze Fei (Beregu Badminton Lelaki Negara)
2. Encik Izuddin Rumsani (Beregu Badminton Lelaki Negara)
3. Encik Wan Muhammad Arif Shahrudin (Beregu Badminton Lelaki Negara)
4. Encik Yap Roy King (Beregu Badminton Lelaki Negara)
5. Cik Pearly Tan Koong Le (Beregu Badminton Wanita Negara)
6. Cik Thinaah Muralithara (Beregu Badminton Wanita Negara)
7. Encik Tengku Hadzali bin Tengku Mustaffar (Beregu Dart Negara)
8. Encik Tan Jenn Ming (Beregu Dart Negara)

Sukan merupakan wadah yang paling ampuh dalam memupuk semangat perpaduan, keharmonian serta kebersamaan rakyat Malaysia. Setiap kali atlet negara ini berentap di persada dunia, seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang berdiri teguh di belakang mereka, bersatu hati menyokong Jalur Gemilang dikibarkan dengan penuh bangga.

Mereka bukan sahaja mencipta kejayaan di arena antarabangsa, malah menjadi contoh teladan yang membuktikan bahawa semangat kesukanan mampu meruntuhkan tembok perbezaan serta mengukuhkan semangat Malaysia Madani.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, menzahirkan harapan agar kesemua Ikon Perpaduan ini dapat terus menyebarkan mesej perpaduan dan menanam benih-benih keharmonian dalam kalangan rakyat. Ini selaras dengan aspirasi negara untuk membina sebuah negara bangsa yang aman, harmoni dan bersatu padu.

Kementerian percaya bahawa dengan semangat dan iltizam yang ditonjolkan oleh ikon-ikon ini, nilai-nilai perpaduan dapat terus disemarakkan, sekali gus menyatukan rakyat Malaysia di bawah satu identiti kebangsaan.

Kementerian Perpaduan Negara  
1 September 2025  
KPN.100-9/1/16 (73)